

23 DEC 1998

Ghani-Air

JOHOR SOKONG PENUH KERAJAAN PUSAT RUNDING BEKALAN AIR KE S'PURA

JOHOR BAHARU, 23 Dis (Bernama) -- Kerajaan negeri Johor memberi sokongan penuh kepada kerajaan pusat berhubung rundingan yang diadakan dengan Singapura mengenai isu bekalan air dari Semenanjung ke republik itu.

"Kita (Johor) amat gembira dengan rundingan yang sedang berjalan sekarang dan apa yang telah dipersetujui setakat ini", kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Perumahan di sini, hari ini.

Abdul Ghani berkata perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya di Singapura, Goh Chok Tong di Hanoi pada 17 Dis lepas sempena Sidang Kemuncak ASEAN disambut baik khususnya yang menyentuh soal bekalan air.

"Saya tidak boleh menjelaskan lebih lanjut mengenai rundingan yang sedang berjalan... apa yang boleh saya cakapkan sekarang ialah Johor amat gembira dengan perkembangan sekarang", katanya.

Abdul Ghani diminta mengulas laporan dalam Harakah, akhbar rasmi PAS, minggu lepas bahawa rundingan antara kedua buah negara mengalami masalah kerana perbincangan mengenai isu bekalan air diadakan antara Dr Mahathir dan Goh sedangkan air dibekalkan oleh kerajaan Johor.

Oleh itu, menurut laporan berkenaan yang dipetik oleh media Singapura, Johor telah mengemukakan bantahan dan perbincangan antara Abdul Ghani dan Dr Mahathir akan diadakan secepat mungkin.

Abdul Ghani berkata soal Johor membantah dan tidak bersetuju dengan rundingan yang diadakan oleh kedua-dua pemimpin itu tidak timbul kerana Johor sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap sebarang rundingan yang membabitkan bekalan air ke Singapura.

Pada masa ini, Singapura mendapat bekalan air mentah sebanyak 214 juta liter sehari dan Johor membeli balik 35 juta liter air yang telah diproses daripada loji Lembaga Perbekalan Awam (PUB) Singapura di Johor.

Bekalan air kepada Singapura berdasarkan perjanjian bekalan air Sungai Johor antara Malaysia dan Singapura pada tahun 1961 dan 1962. Perjanjian pertama tamat pada tahun 2001 manakala perjanjian kedua tamat pada tahun 2061.

-- BERNAMA

MKO LAT